

Parti berasaskan kaum, agama masih relevan di Malaysia

KUALA LUMPUR 6 Nov. - Kewujudan parti politik serta pertubuhan profesional berasaskan kaum dan agama masih relevan serta perlu dikekalkan berikutan peranannya sebagai penghubung dalam masyarakat majmuk di negara ini.

Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah), Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Jayum Jawan berkata, sehingga kini pertubuhan berkaitan kaum dan agama masih bertahan, sekali gus membuktikan tidak mencetus kepada sebarang konflik.

“Pembawaan pemimpin serta ahli dalam parti terbabit seharusnya lebih penting daripada pertubuhan itu sendiri di samping keterbukaan minda menerima perbezaan kaum dan agama yang bersesuaian dengan cara masing-masing,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Semalam, Penggerusi DAP, Karpal Singh menyatakan semua parti politik berasaskan kaum dan agama yang wujud di negara ini termasuk sekutu rapatnya Pas dibatalkan pendaftarannya.

Beliau menegaskan, pendaftaran parti politik dan pertubuhan sedemikian harus dibatalkan atau diubah supaya sesuai kepada penyertaan rakyat negara ini tanpa mengira batasan kaum serta agama.

Mengulas isu sama, Pensyarah Fakulti Sains Pendidikan dan Pengajaran Polisi, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Dungun, Terengganu, Che Hamdan Che Mohd. Razali berkata, kewujudan parti politik dan pertubuhan yang mewakili kaum dan agama adalah perkara biasa dalam negara yang mempunyai masyarakat plural.

Menurut beliau, setiap pemimpin dalam parti itu berperanan mendidik kumpulan yang diwakili supaya menerima perbezaan yang wujud dalam kalangan ahli.